



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**LAPORAN AWAL
BANCI EKONOMI PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BEP) 2016**

1. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah mengendalikan **Banci Ekonomi Perusahaan/Perniagaan (BEP) 2016** bermula bulan Mei 2016. Objektif utama BEP 2016 adalah untuk mengumpul maklumat komprehensif dan terkini mengenai pertumbuhan, sumbangan, komposisi dan taburan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh syarikat perusahaan/ perniagaan di Negara Brunei Darussalam.
2. JPKE telah mengeluarkan **Laporan Awal Banci Ekonomi Perusahaan/Perniagaan (BEP) 2016** yang memuatkan data awal yang akan disemak selanjutnya setelah pemerosesan data selesai sepenuhnya.
3. Penemuan-penemuan utama yang dimuatkan di dalam Laporan Awal BEP 2016 adalah seperti berikut:
 - a) **Perusahaan**
 - Sebanyak 5,342 buah perusahaan telah melapor sebagai aktif pada tahun 2015, yang mana 96.5 peratus (5,158 buah) adalah terdiri dari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

- Sebanyak 1,920 perusahaan bersaiz mikro (35.9 peratus), 2,294 perusahaan kecil (42.9 peratus), 944 perusahaan sederhana (17.7 peratus) dan 184 perusahaan selebihnya bersaiz besar (3.5 peratus).
- Berbanding tahun 2010, bilangan perusahaan sederhana meningkat secara purata sebanyak 2.6 peratus setahun (dari 830 pada tahun 2010 kepada 944 pada tahun 2015). Perusahaan besar juga meningkat sebanyak 5.8 peratus (dari 139 pada tahun 2010 kepada 184 pada tahun 2015).
- Tiga kegiatan ekonomi terbesar ialah Perdagangan Borong dan Runcit dengan 1,815 perusahaan (34.0 peratus), diikuti oleh Pembinaan dengan 793 perusahaan (14.8 peratus) dan Pembuatan dengan 550 perusahaan (10.3 peratus).

b) Pekerjaan

- Jumlah pekerja Sektor Swasta telah meningkat sebanyak 3.1 peratus setahun dari 99,607 orang pada tahun 2010 kepada 115,894 orang pada tahun 2015.
- Lebih ramai pekerja tempatan telah memasuki pasaran kerja di sektor swasta, di mana bilangan mereka telah meningkat dari 42,518 orang pada tahun 2010 kepada 51,590 orang pada tahun 2015.
- Pembinaan adalah majikan yang terbesar melibatkan 27,180 pekerja (23.5 peratus). Ini diikuti oleh Perdagangan Borong dan Runcit [25,793 pekerja (22.3 peratus)], Perkhidmatan Profesional, Teknikal, Pentadbiran dan Bantuan [13,754 pekerja (11.9 peratus)], dan lain-lain.

c) Pendapatan

- Jumlah pendapatan aktiviti perniagaan pada tahun 2015 bernilai BND 23.9 bilion, berbanding BND 29.2 bilion pada tahun 2010.

- Dalam tempoh 2010-2015, jumlah pendapatan yang disumbangkan oleh PMKS telah meningkat, kedua-duanya dari segi nilai (dari BND 7.9 bilion pada tahun 2010 kepada BND 8.3 bilion pada tahun 2015) dan juga agihan (dari 26.9 peratus pada tahun 2010 kepada 34.8 peratus pada tahun 2015).
 - Pendapatan terbesar adalah disumbangkan oleh Perlombongan dan Kuari yang bernilai sebanyak BND 6.9 bilion (28.9 peratus), diikuti oleh Pembuatan sebanyak BND 5.2 bilion (21.8 peratus), Perdagangan Borong dan Runcit sebanyak BND 5.2 bilion (21.5 peratus), dan lain-lain.
4. Laporan yang lebih terperinci mengenai data muktamad BEP 2016 akan dikeluarkan secara berasingan dalam penerbitan seterusnya.
 5. JPKE ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pemilik dan pengurus syarikat perusahaan dan perniagaan di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh banci.
 6. Laporan Awal Banci Ekonomi Perusahaan/Perniagaan (BEP) 2016 boleh didapati melalui laman web JPKE. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPKE dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon	:	2230251 (waktu pejabat)
E-mel	:	economic.census@jpke.gov.bn
Laman sesawang	:	www.depd.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE

PRELIMINARY REPORT
THE ECONOMIC CENSUS OF ENTERPRISES (ECE) 2016

1. *The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, through the Department of Economic Planning and Development (JPKE) has conducted the **Economic Census of Enterprises (ECE) 2016** starting in May 2016. The main objective of ECE 2016 was to collect comprehensive and latest information pertaining to the growth, contribution, composition and distribution of the economic activities undertaken by the business enterprises in the private sector.*
2. *JPKE has released the **Preliminary Report of the Economic Census of Enterprises (ECE) 2016** which presents preliminary data. This preliminary data is subject to further revisions after exhaustive data processing has been fully completed.*
3. *The main findings included in this Preliminary Report of the ECE 2016 are as follows:*
 - a) **Enterprises**
 - *5,342 enterprises have reported as being active in 2015, where 96.5 per cent (5,158 enterprises) comprised of Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs).*

- *There were 1,920 micro enterprises (35.9 per cent), 2,294 small enterprises (42.9 per cent), 944 medium enterprises (17.7 per cent) and the remaining 184 enterprises were large enterprises (3.5 per cent).*
- *Compared to 2010, the number of medium enterprises increased on average by 2.6 per cent per year (from 830 in 2010 to 944 in 2015). Large enterprises increased by 5.8 per cent (from 139 in 2010 to 184 in 2015).*
- *The three largest economic activity was the Wholesale and Retail Trade with 1,815 enterprises (34.0 per cent), followed by Construction with 793 enterprises (14.8 per cent) and Manufacturing with 550 enterprises (10.3 per cent).*

b) Employment

- *Total employment in the Private Sector grew by 3.1 per cent annually from 99,607 persons in 2010 to 115,894 persons in 2015.*
- *More locals are now entering the private sector workforce, where their number has risen from 42,518 persons in 2010 to 51,590 persons in 2015.*
- *Construction was the top employer with 27,180 employees (23.5 per cent), followed by Wholesale and Retail Trade [25,793 employees (22.3 per cent)], Professional, Technical, Administrative and Support Services [13,754 employees (11.9 per cent)], and others.*

c) Revenue

- *The total revenue from business activities in 2015 amounted to BND 23.9 billion, compared to BND 29.2 billion in 2010.*
- *During the period 2010-2015, the total revenue contributed by MSMEs has increased, both in value (from BND 7.9 billion in 2010 to BND 8.3 billion in 2015) and its share (from 26.9 per cent in 2010 to 34.8 per cent in 2015).*

- *The highest revenue was generated by Mining and Quarrying valued at BND 6.9 billion (28.9 per cent), followed by Manufacturing with BND 5.2 billion (21.8 per cent), and the Wholesale and Retail Trade with BND 5.2 billion (21.5 per cent).*
4. *The final and more detailed data of the ECE 2016 will be released separately in the forthcoming publication.*
 5. *JPKE would like to take this opportunity to express their appreciation to all owners and managers of business enterprises for their cooperation throughout the census period.*
 6. *The Preliminary Report of the Economic Census of Enterprises (ECE) 2016 is available from JPKE's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPKE by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>2230251 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>economic.census@jpke.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>www.depd.gov.bn</i>